

# 'Iklim baru hubungan luar rangsang ekonomi'

**S**EJAK menjadi Perdana Menteri tiga tahun lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berjaya membawa iklim baru dalam kepemimpinan dan pentadbiran negara yang merangkumi hal domestik dan antarabangsa.

Ketua Penerangan Umno, Senator Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Abdullah membawa banyak keterbukaan dan ketelusan dalam pentadbirannya, manakala dalam hubungan luar, beliau mewujudkan hubungan yang lebih erat dengan kuasa besar.

"Pengwujudan iklim baru ini mendorong kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan stabil serta mewujudkan koridor pembangunan ekonomi serta sektor pertumbuhan ekonomi yang baru," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Misi Nasional dan Wawasan 2020 yang menjadi sebahagian seminar kebangsaan 'Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun Di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara' di sini, semalam.

Muhammad antara ahli panel pada forum yang dipengerusikan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak pada seminar sehari berkeanehan.

Beliau berkata, Abdullah dapat me-

mimpin negara dengan baik kerana mendapat sokongan padu semua peringkat pemimpin, baik menteri Kabinet, semua peringkat Umno dan komponen Barisan Nasional serta rakyat.

"Di mana-mana pun, tentu ada kelemahan. Itu adat tetapi pada umumnya kalau ada yang kata bahawa wujud tentangan terhadap kepimpinan (Abdullah), maka saya tidak bersejatu.

"Kabinet berdiri teguh di belakangnya jika dibandingkan masa Tengku Razaleigh Hamzah bangun menentang Tun Dr Mahathir Mohamad yang baru lima tahun menjadi Perdana Menteri. Separuh Kabinet sokong Tengku Razaleigh.

"Saya perhatikan Abdullah sangat tegas dan keras dalam menentukan arah tuju negara. Kalau ada yang katakan Abdullah hilang kawalan, saya tidak setuju, beliau fokus kepada arah yang hendak dituju dengan jelas," katanya.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, berkata walaupun mungkin terlalu awal menilai prestasi kepimpinan Abdullah, ia wajar dibuat sejajar tuntutan demokrasi.

"Abdullah ketika menjadi perdana

BH - 5/1/2007  
menteri sudah menggariskan 12 prinsip utama, antaranya menyentuh kepemimpinan politik terbuka, memengaruhi rasuah, amalan demokrasi yang baik serta pengurusan sumber manusia.

"Dengan itu Abdullah berjaya meletakkan asas bagi dirinya menjadi

**“ Abdullah berani mengorak langkah mewujudkan suasana keterbukaan, tetapi tidak diterima oleh semua pihak sebagai satu langkah yang baik kerana mereka kata dalam suasana keterbukaan mudah untuk dieksploitasi isu sensitif ”**

**Mohamed Jawhar Hassan**  
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Isis

perdana menteri yang sesuai dengan peredaran masa dan dasar beliau mampu membawa kesan besar pada masa hadapan tetapi dengan syarat ia perlu dijayakan," katanya.

Mohamed Jawhar yang juga Pengerusi The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) berkata, suasana keterbukaan penting kerana tanpanya adalah sukar untuk mewujudkan satu pentadbiran yang lebih telus dan urus tadbir yang baik.

"Abdullah berani mengorak langkah mewujudkan suasana keterbukaan, tetapi tidak diterima oleh semua pihak sebagai satu langkah yang baik kerana mereka kata dalam suasana keterbukaan mudah untuk dieksploitasi isu sensitif," katanya.

Beliau berkata misi strategi dan langkah berkaitan ekonomi seperti Misi nasional, Pelan Induk Perindustrian Ketiga dan pengurusan kewangan yang cermat yang dibawa oleh Perdana Menteri adalah baik.

Penekanan yang dibuatnya pada aspek nilai tambah ekonomi, penerokaan sumber baru serta pertanian turut membantu menjana ekonomi ke arah yang lebih baik dengan pertumbuhan melonjak daripada satu peratus pada 2001, kepada 7.2 peratus pada 2004. - Bernama